



# PANDUAN MUDAH

## i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

## Apa Itu i-Lindung?

i-Lindung ialah platform layan diri dalam i-Akaun (Ahli) yang memudahkan ahli membuat pembelian produk perlindungan di bawah Pelan Perlindungan Ahli (PPA). Melalui PPA, anda boleh membeli produk insurans atau takaful daripada Syarikat Insurans dan Takaful (SIT) yang diluluskan oleh KWSP.

## Jenis Perlindungan yang Ditawarkan

Anda boleh memilih salah satu atau kedua-dua jenis perlindungan berikut:

- Perlindungan Hayat
- Perlindungan Penyakit Kritikal

## Pilihan Kategori Pelan Perlindungan Ahli (PPA)

Pelan perlindungan boleh dibeli untuk:

1. Diri sendiri; atau
2. Keluarga (Diri sendiri & pasangan); atau
3. Keluarga (Diri sendiri, pasangan & anak-anak); atau
4. Keluarga (Diri sendiri & anak-anak)

Panduan mudah ini disediakan khusus untuk kategori **Keluarga (diri sendiri & pasangan)**. Ikuti langkah demi langkah untuk memudahkan pembelian pelan melalui i-Lindung.




# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)


i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



**Langkah 1:**  
Di **Laman Utama**, skrol ke bawah hingga anda jumpa kad "Lindungi diri anda dan orang tersayang dengan Pelan Perlindungan Ahli". Kemudian, klik 'Info lanjut'.



**Langkah 2:**  
Pilih 'Dapatkan sebut harga insurans & takaful' untuk ke langkah seterusnya.



**Langkah 3:**  
Pilih 'Keluarga (Dengan Pasangan)'.




Anda boleh mengikuti langkah yang sama untuk **Portal Web i-Akaun (Ahli)**




# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)


i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



**Langkah 4:**  
Sahkan maklumat anda, laraskan untuk pilih jumlah perlindungan, kemudian klik 'Teruskan'.



**Langkah 5:**  
Masukkan maklumat pasangan. Jumlah perlindungan pasangan akan ikut jumlah anda secara automatik. Tandakan 'Tukar' jika mahu ubah, dan laraskan semula jumlah perlindungan. Kemudian, Klik 'Teruskan'.




**Langkah 6:**  
Semak dan sahkan alamat surat-menyurat yang dipaparkan. Kemudian, klik 'Teruskan'.

 Anda boleh mengikuti langkah yang sama untuk Portal Web i-Akaun (Ahli)




# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

## i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



**Langkah 7:**  
Pilih jenis produk, kemudian klik 'Teruskan'.



**Langkah 8:**  
Lihat senarai produk yang tersedia dan pilih satu.







**Langkah 9:**  
Skrin akan memaparkan maklumat produk. Semak maklumatnya, dan jika setuju, klik 'Beli Produk Ini'.

 Anda boleh mengikuti langkah yang sama untuk **Portal Web i-Akaun (Ahli)**



# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



## Langkah 10:

Skrin akan memaparkan maklumat tambahan. Klik pada 'Pemegang Sijil', semak maklumat yang dipaparkan, dan sahkan. Kemudian, klik 'Teruskan'.

## Langkah 11:

Masukkan maklumat tambahan untuk pasangan anda. Pastikan semuanya lengkap, kemudian klik 'Teruskan'.




KWSP | EPF




Anda boleh mengikuti langkah yang sama untuk Portal Web i-Akaun (Ahli)

# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)


i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



**Langkah 12:**  
Skrin akan memaparkan ringkasan produk yang dipilih. Semak maklumatnya, kemudian klik 'Teruskan'.



**Langkah 13:**  
Baca **Pengisytiharan & Persetujuan**. Jika setuju, klik 'Terima'. (Selepas ini, anda akan dibawa ke platform i-Lindung.)



**Langkah 14:**  
Dari platform i-Lindung, anda akan dibawa ke laman web **syarikat Insurans/Takaful (SIT)** pilihan anda. Di laman tersebut, anda perlu menjawab beberapa soalan lanjut untuk diri anda dan pasangan (bergantung pada syarikat yang dipilih).



# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

## i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

Sila jangan tutup atau muat semula halaman ini sehingga permohonan selesai

KWSP EPF

Langkah 1: Masukkan Kod Kebenaran Transaksi Anda (TAC) | Langkah 2: Ringkasan Permohonan Pengeluaran

**Keberanan Ahli** Baki masa 09:50

Sila masukkan Kod Kebenaran Transaksi (TAC) untuk meneruskan permohonan

Jenis Pengeluaran i-Lindung

Nama

No. EPF

Jenis ID Kad Pengenalan Baru

No. ID

No. Rujukan Pengeluaran

© KWSP 2018. All rights reserved

untuk:

- memproses maklumat termasuklah maklumat peribadi saya; dan
- menzahirkan apa-apa maklumat:
  - kepada Kerajaan, pihak berkuasa kawal selia dan mana-mana agensi atau biro atau badan kerajaan yang berkaitan dan;
  - selaras dengan Akta perlindungan Data Peribadi 2010 atau mana-mana perundangan berhubung dengan perlindungan data peribadi yang berkuat kuasa. Saya dengan ini mengakui bahawa apa-apa maklumat yang dikemukakan kepada Syarikat Insurans & Pengendali Takaful (SIT) yang berkaitan adalah benar dan betul dan saya dengan ini terikat dengan terma dan syarat Pelan Perlindungan Ahli.
- Saya memahami bahawa permohonan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh KWSP.

\*Sebarang pengemaskinian kepada data peribadi boleh dibuat di i-Akaun @ [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my), atau SIT yang berkaitan

Saya dengan ini bersetuju dengan semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas.

**Pengesahan TAC**

.....

(?) (17)  
Nombor TAC telah dihantar ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan.

Batal Teruskan

© KWSP 2018. All rights reserved

Sila jangan tutup atau muat semula halaman ini sehingga permohonan selesai

KWSP EPF

Langkah 1: Masukkan Kod Kebenaran Transaksi Anda (TAC) | Langkah 2: Ringkasan Permohonan Pengeluaran

**Ringkasan** Baki masa 07:54

Status DILULUSKAN

Jenis Pengeluaran i-Lindung

Tarikh & Masa Permohonan

Nama

No. EPF

Jenis ID Kad Pengenalan Baru

No. ID

No. Rujukan Pengeluaran

Nama Syarikat FWD TAKAFUL BERHAD.

No. Rujukan Syarikat

Deskripsi Produk FWD i-Lindung Term Takaful Plan

Amaun Transaksi

Terima kasih kerana menggunakan kemudahan dalam talian i-Akaun.

Muat Turun Seterusnya

© KWSP 2018. All rights reserved

Status DILULUSKAN

Jenis Pengeluaran i-Lindung

Tarikh & Masa Permohonan

Nama

No. EPF

Jenis ID Kad Pengenalan Baru

No. ID

No. Rujukan Pengeluaran

Nama Syarikat FWD TAKAFUL BERHAD.

No. Rujukan Syarikat

Deskripsi Produk FWD i-Lindung Term Takaful Plan

Amaun Transaksi

Terima kasih kerana menggunakan kemudahan dalam talian i-Akaun.

Muat Turun Seterusnya

© KWSP 2018. All rights reserved

### Langkah 15:

Selesai isi maklumat di laman web syarikat insurans/takaful (SIT), anda akan dibawa semula ke platform i-Lindung. Sahkan maklumat permohonan. Masukkan nombor TAC yang diterima melalui SMS, kemudian klik **'Teruskan'** untuk lengkapkan pembelian.


### Langkah 16:

Sistem akan memaparkan ringkasan pembelian Pelan Perlindungan Ahli (PPA) untuk rujukan anda. Skrol ke bawah dan klik **'Seterusnya'**. Untuk simpan salinan, klik **'Muat Turun'**.



# Panduan Mudah i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)

i-Lindung – Keluarga (Dengan Pasangan)



## Langkah 17:

Sistem akan membawa anda semula ke aplikasi KWSP i-Akaun, dan status permohonan akan dipaparkan. Klik **'Selesai'** untuk tamatkan proses.



**TERIMA KASIH**

